

## Kesan Pengajaran Aksara Cina dengan Teori “Sanshu” Terhadap Pencapaian dan Motivasi Pelajar Islam UiTM Dungun

***The Impact of Chinese Characters Teaching Using the “Sanshu” Theory on the Achievement and Motivation of Muslim Students at UiTM Dungun***

Wong, H. C.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6010-2902284 E-mel: p4665@pps.umt.edu.my / whoongcheong@uitm.edu.my

Chua, N. A. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6017-9685986 E-mel: ain.chua@umt.edu.my

Lew, Y. L.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

Tel: +6012-7929001 E-mel: yaling@uitm.edu.my

Yap, S. L.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 18500 Bandar Machang, Kelantan, Malaysia

Tel: +6010-2902289 E-mel: ysleay@uitm.edu.my

Goh, Y. S.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6012-9555695 E-mel: gohyi141@uitm.edu.my

Jalil, M. S.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-5850114 E-mel: syukrijalil@uitm.edu.my

Tan, P. W.

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

Tel: +6019-5475082 E-mel: pinwooi@uum.edu.my

Yeap, C. K.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 78000 Alor Gajah,  
Melaka, Malaysia

Tel: +6016-4882923 E-mel: chunkeat@uitm.edu.my

Abu Bakar, M. H.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun,  
Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-7097586 E-mel: mhanafiah@uitm.edu.my

Husin, N.

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun,  
Terengganu, Malaysia

Tel: +6012-9885057 E-mel: norhayati@uitm.edu.my

## Abstrak

Pelajar bukan penutur asli Bahasa Mandarin, khususnya pelajar Islam, sering menghadapi kesukaran dalam mempelajari aksara Cina secara langsung kerana kerumitannya apabila diajar melalui kaedah tradisional. Kajian terkini mendapati bahawa Teori “Sanshu” berpotensi meningkatkan keberkesanannya pengajaran aksara Cina dengan membantu pelajar bukan sahaja mengenal pasti makna dan sebutan aksara dengan lebih mendalam, tetapi juga dengan memperkenalkan unsur budaya Cina yang dapat merangsang minat dan motivasi mereka. Sehubungan itu, satu kajian eksperimental telah dijalankan di UiTM Dungun untuk menilai kesan pengajaran berdasarkan Teori “Sanshu” terhadap pencapaian dan motivasi pelajar Islam dalam pembelajaran aksara Cina. Seramai 106 pelajar Islam telah dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan rawatan, dengan kumpulan rawatan menerima pengajaran berdasarkan teori ini selama 12 minggu. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Teori “Sanshu” memberi peningkatan yang signifikan dalam penguasaan aksara, khususnya dalam kemampuan membuat inferens tentang

makna dan sebutan aksara. Selain itu, kaedah ini juga berkesan dalam merangsang motivasi dan meningkatkan pencapaian pelajar secara keseluruhan berbanding dengan kaedah tradisional. Penemuan ini memberikan implikasi yang luas dalam pendidikan bahasa, terutamanya dalam menyokong penggunaan pendekatan berasaskan budaya dan kontekstual dalam pengajaran aksara Cina untuk pelajar Islam dan bukan penutur asli lain, bagi memperkuuh minat dan keberkesanannya pembelajaran mereka.

**Kata kunci:** Teori “Sanshu”; Pencapaian aksara Cina; Motivasi; Pelajar Islam; UiTM Dungun

## Abstract

*Non-native Mandarin speakers, especially Muslim students, often struggle to learn Chinese characters directly due to the complexity when taught through traditional methods. Recent studies suggest that the “Sanshu” Theory may enhance the effectiveness of Chinese character instruction by helping students not only identify the meaning and pronunciation of characters deeply but also introduce the*

*elements of Chinese culture to boost their interest and motivation. Therefore, an experimental study was conducted at UiTM Dungun to evaluate the impact of “Sanshu” Theory instruction on the achievement and motivation of Muslim students in learning Chinese characters. A total of 106 Muslim students were divided into control and treatment groups, with the treatment group receiving instruction based on this theory for 12 weeks. The study’s results showed that using the “Sanshu” Theory led to a significant improvement in character mastery, particularly in the ability to infer character meanings and pronunciation. Additionally, this method effectively motivated and enhanced students’ overall performance compared to traditional methods. These findings are highly relevant to language education, particularly in promoting teaching methods for Chinese characters that incorporate cultural and contextual elements. Such approaches can boost interest and enhance learning outcomes for Muslim and other non-native students.*

**Keywords:** “*Sanshu*” Theory; Chinese characters achievement; Motivation; Muslim students; *UiTM Dungun*

## Pengenalan

Aksara Cina merupakan unsur utama bahasa Mandarin. Ketika mempelajari bahasa Mandarin, pelajar tidak boleh mengabaikan pembelajaran aksara Cina (Wong et al., 2023). Lazimnya, tidak dapat dinafikan bahawa aksara Cina jauh lebih sukar untuk dipelajari berbanding dengan aksara abjad. Disebabkan perbezaan sistem penulisan antara aksara Cina dan aksara abjad, pelajar yang bukan penutur asli bahasa Mandarin menganggap aksara Cina sebagai sesuatu yang sangat sukar untuk dipelajari (Chua et

al., 2020; Wong et al., 2024). Pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing merangkumi aspek sebutan, tatabahasa, perbendaharaan kata dan aksara Cina (Wong et al., 2023). Pengajaran aksara Cina ialah bahagian yang paling mudah diabaikan dalam pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Ini disebabkan aksara Cina sukar dipelajari oleh pelajar bukan penutur asli bahasa Mandarin (Wong et al., 2021).

Kaedah tradisional pengajaran aksara Cina merangkumi pengajaran strok, urutan strok dan pengajaran keseluruhan aksara. Kebanyakan pelajar bukan penutur asli bahasa Mandarin berasa terlalu sukar untuk mempelajari keseluruhan aksara secara langsung, manakala terlalu rumit dan kompleks untuk mempelajari aksara melalui strok (Gao, 2016). Walau bagaimanapun, pelbagai kaedah pengajaran aksara Cina telah muncul, seperti “kaedah pengajaran Liushu”, “kaedah pengajaran Sanshu”, “kaedah pengajaran komponen”, “kaedah pengenalan aksara secara fokus”, “kaedah pengenalan aksara melalui prinsip aksara”, “kaedah penghubungan” dan sebagainya (Zhu, 2014).

Dalam pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing kepada pelajar bukan penutur asli, pembelajaran aksara Cina merupakan salah satu asas penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Namun, ini juga merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru dan pensyarah bahasa Mandarin (Wong et al., 2021). Pengajaran aksara Cina mempunyai pelbagai kaedah yang berbeza. Jika guru dan pensyarah bahasa Mandarin hanya bergantung pada kaedah pengajaran strok yang terdapat dalam buku teks, suasana pembelajaran di dalam kelas boleh menjadi membosankan, dan minat pelajar terhadap bahasa Mandarin turut akan semakin menurun.

Kajian terkini yang menggunakan Teori “Sanshu” dalam pengajaran aksara Cina menunjukkan bahawa Teori “Sanshu” dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran aksara Cina, terutama dari segi pengenalan makna dan sebutan (Xia, 2021; Wang et al., 2021; Wong et al., 2021). Selain itu, Teori “Sanshu” juga mencerminkan pengetahuan budaya yang terkandung dalam aksara Cina, ini dapat meningkatkan minat dan memperkuatkan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Mandarin (Mou & Xie, 2016). Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua (*Second Language Acquisition*, SLA), salah satu faktor utama ialah motivasi pembelajaran, ini didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar untuk mempelajari bahasa lain atas keperluan atau keinginan (Ellis, 1994; Dörnyei, 2005). Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan sedikit perhatian kepada pencapaian dan perubahan motivasi pelajar Islam sebagai bukan penutur asli di UiTM Dungun, melalui rawatan Teori “Sanshu”.

Malaysia mengikuti perkembangan global dalam pembelajaran bahasa Mandarin, selain menawarkan kursus bahasa Mandarin untuk penutur bukan asli di universiti, kelas bahasa Mandarin juga telah ditambah di sekolah rendah dan menengah. Ini bertujuan untuk menanam minat belajar bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar bukan penutur asli sejak kecil lagi, usaha ini juga meningkatkan kemahiran bahasa Mandarin pelajar bukan penutur asli (Wong et al., 2023). Namun, dalam pembelajaran bahasa Mandarin di UiTM, bahagian pembelajaran aksara Cina sering diabaikan. Tambahan, pembelajaran secara langsung melalui kaedah tradisional strok didapati amat rumit. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan lebih lanjut dengan meneroka masalah berkaitan dengan pembelajaran aksara Cina

dalam kelas Mandarin di UiTM Dungun melalui pelaksanaan Teori “Sanshu”.

Bagi mengisi jurang literatur yang sedia ada, kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimental perbandingan untuk menyelidiki impak Teori “Sanshu” dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran aksara Cina serta motivasi pelajar Islam yang mempelajari bahasa Mandarin di UiTM Dungun. Selain mencadangkan amalan praktikal penggunaan Teori “Sanshu” dalam kelas Mandarin, kajian ini turut meneliti hubungan antara motivasi pelajar dan keberkesanan pembelajaran aksara Cina. Dapatkan kajian ini berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan kaedah pengajaran aksara Cina dalam persekitaran akademik UiTM di seluruh Malaysia, serta memberi panduan berdasarkan bukti untuk memaksimumkan pencapaian pelajar dalam penguasaan aksara dan memperkuatkannya motivasi belajar.

### *Teori “Sanshu”*

Teori “Sanshu” pertama kali dikemukakan oleh Tang Lan dalam karyanya Guwenzixue Daolun (《古文字学导论》) dan Zhongguo Wenzixue (《中国文字学》). Teori “Sanshu” yang dicadangkan oleh Tang Lan memecahkan batasan Teori “Liushu” dan membangunkan satu sistem teori baru yang memberi arah kepada kajian etimologi. Tang Lan membahagikan Teori “Sanshu” kepada aksara Xiangxing (象形文字), aksara Xiangyi (象意文字) dan aksara Xingsheng (形声文字). Tang Lan menyatakan bahawa aksara Xiangxing dan aksara Xiangyi ialah tulisan gambar zaman purba, manakala aksara Xingsheng ialah tulisan berbasis bunyi pada zaman kemudian. Ketiga-tiga jenis aksara ini boleh merangkumi semua aksara Cina. Aksara Xiangxing melukis objek atau

beberapa simbol yang lazim digunakan, ia juga dikenali dengan segala benda yang boleh dilihat oleh orang. Aksara Xiangxing ialah bahagian utama tulisan gambar. Pada zaman purba, sebelum adanya sebarang aksara Xingsheng, semua aksara menggunakan tulisan gambar. Selain daripada sedikit aksara Xiangxing, selebihnya adalah aksara Xiangyi. Jika seseorang dapat mengenalinya sebagai tulisan gambar, makna tulisan tersebut dapat difahami daripada gambar tersebut, itu dipanggil sebagai aksara Xiangyi. Walaupun kemudian ia dimasukkan ke dalam kumpulan aksara Xingsheng, ia tetap dianggap sebagai aksara Xiangyi. Aksara Xiangxing dan Xiangyi ialah tulisan gambar purba, tetapi aksara Xiangyi memerlukan pemikiran untuk difahami, tidak dapat difahami dengan segera. Aksara Xingsheng merupakan sejenis aksara yang mempunyai penanda bunyi dan lebih mudah untuk dibezakan. Walaupun beberapa aksara Xiangyi yang berubah bunyi juga diklasifikasikan dalam kategori aksara Xingsheng, tetapi asalnya ialah tulisan gambar, ia masih dianggap sebagai aksara Xiangyi. Pembahagian aksara Cina kepada aksara Xiangxing, aksara Xiangyi dan aksara Xingsheng boleh dipanggil sebagai Teori “Sanshu”. Ketiga-tiga jenis aksara ini mencakupi semua aksara Cina. Bentuk, makna dan bunyi merupakan tiga aspek utama aksara Cina. Oleh sebab itu, Teori “Sanshu” membahagikan aksara Cina berdasarkan bentuk, makna dan bunyi, Tang Lan menganggap bahawa mempelajari aksara Cina dengan menggunakan Teori “Sanshu” akan mengurangkan kekeliruan pelajar (Tang, 2001).

Chen Mengjia berpendapat bahawa Teori “Sanshu” Tang Lan adalah cubaan pertama untuk memecahkan teori lama dan membina semula struktur aksara Cina. Walaupun Chen Mengjia menghargai usaha Tang Lan dalam

mengemukakan Teori “Sanshu”, tetapi beliau tidak sepenuhnya bersetuju dengan pembahagian teori tersebut. Chen Mengjia menyatakan bahawa perbezaan antara aksara Xiangxing dan aksara Xiangyi dalam Teori “Sanshu” Tang Lan tidak begitu penting. Selain itu, Chen Mengjia menyatakan Tang Lan mengeluarkan aksara Jiajie (假借字) daripada kategori asas aksara Cina adalah tidak wajar. Oleh itu, dalam karyanya Yinxu Buci Zongshu (《殷墟卜辞综述》), Chen Mengjia membahagikan Teori “Sanshu” kepada aksara Xiangxing (象形字), aksara Jiajie (假借字) dan aksara Xingsheng (形声字). Beliau menjelaskan bahawa aksara Xiangxing, aksara Jiajie dan aksara Xingsheng merupakan tiga bentuk asas yang berkembang dari prinsip piktografik dan ia merupakan bentuk asas aksara Cina. Aksara Xiangxing menyampaikan makna melalui imejnya sendiri. Aksara Jiajie menggunakan aksara Xiangxing atau aksara Xingsheng sebagai penanda bunyi, bunyi tersebut sepadan dengan perkataannya. Aksara Xingsheng menggunakan penanda bentuk untuk menunjukkan kategori objek dan penanda bunyi menunjukkan bunyi aksaranya. Ketiga-tiga jenis aksara ini mencapai tujuan aksara iaitu menyampaikan makna dan kandungan bahasa. Hubungan antara “bentuk dan makna” dalam ketiga-tiga jenis aksara ini adalah berbeza, aksara Xiangxing memperoleh makna daripada bentuk, aksara Xingsheng memperoleh makna daripada bentuk dan bunyi, manakala aksara Jiajie memperoleh makna daripada bunyi (Chen, 1988).

Qiu Xigui dalam karyanya Wenzixue Gaiyao (《文字学概要》) berpendapat bahawa Teori “Sanshu” Chen Mengjia adalah munasabah, tetapi aksara Xiangxing seharusnya diubah menjadi aksara Biaozi (表意字) supaya semua aksara yang

menggunakan penanda makna dalam aksara Cina mempunyai tempat dalam Teori “Sanshu”. Qiu Xigui juga menekankan kekurangan lain dalam Teori “Sanshu” Tang Lan dan menyatakan bahawa Teori “Sanshu” Tang Lan menyamakan “Sanshu” dengan tiga aspek aksara Cina iaitu bentuk, makna dan bunyi sahaja. Qiu Xigui berpendapat bahawa Teori “Sanshu” membahagikan aksara Cina kepada tiga kategori iaitu aksara Biaoyi, aksara Jiajie (假借字) dan aksara Xingsheng (形声字). Aksara Biaoyi menggunakan penanda makna dan boleh juga dipanggil aksara penanda makna. Aksara Jiajie menggunakan penanda bunyi, juga dikenali sebagai aksara penanda bunyi atau aksara bunyi. Aksara Xingsheng menggunakan kedua-dua penanda makna dan bunyi, ia juga dikenali sebagai aksara separuh makna separuh bunyi atau aksara penanda makna dan bunyi (Qiu, 2013).

### *Motivasi*

Motivasi memainkan peranan penting dalam pembelajaran kerana ia mengaktifkan tingkah laku pembelajaran (Anuar Yusoff & Wan Mohamed, 2020). Dörnyei (2009) mencadangkan Sistem Diri Motivasi Bahasa Kedua (*L2 Motivational Self System*, L2MSS) dalam fasa berorientasikan proses dan mentakrifkan tiga dimensi motivasi ini iaitu Diri Ideal Bahasa Kedua (*Ideal L2 Self*, IL2S), Diri Kewajipan Bahasa Kedua (*Ought-to L2 Self*, OL2S) dan Pengalaman Pembelajaran Bahasa Kedua (*L2 Learning Experience*, L2LE). L2MSS menekankan panduan kendiri (IL2S dan OL2S), motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa kedua terhasil terutamanya daripada panduan kendiri secara langsung. L2MSS juga memperluas skop motivasi dalam penyelidikan SLA dengan mengambil kira pengalaman pembelajaran sebagai elemen ketiga dalam motivasi.

IL2S ialah aspek khusus bahasa kedua bagi diri ideal seseorang, ia merujuk kepada imej yang dibayangkan oleh pelajar bahasa kedua apabila mereka menamatkan pengajian mereka dan menjadi pelajar yang berjaya (Dörnyei, 2009; Wang et al., 2023). IL2S merujuk kepada keadaan diri pada masa depan yang diinginkan oleh pelajar bahasa kedua, keadaan diri pada masa depan ini akan mengurangkan jurang antara pengguna bahasa ideal dengan diri yang sebenar atau diri semasa (Peker, 2020). IL2S biasanya dianggap sebagai faktor motivasi intrinsik bagi pelajar bahasa kedua. Sebagai contoh, apabila mereka belajar di luar negara, mereka perlu memahami kuliah dalam bahasa Inggeris, memahami filem Inggeris dan berkomunikasi dengan rakan asing secara efektif (Wang et al., 2023). Walau bagaimanapun, kadang-kadang terdapat jurang antara diri sebenar dan diri yang dibayangkan, di sinilah motivasi memainkan peranan yang penting (Dörnyei, 2009; Wang et al., 2023).

OL2S merujuk kepada keadaan diri masa depan yang dipercayai oleh pelajar bahasa kedua bahawa dia harus belajar untuk memenuhi harapan orang lain, seperti ibu bapa atau majikan. OL2S juga merujuk kepada sifat-sifat yang ingin dielakkan oleh pelajar bahasa kedua (Dörnyei, 2009; Peker, 2020). Ini bermaksud OL2S berkaitan dengan pencegahan, pelajar perlu mengambil tindakan khusus untuk mengelakkan hasil yang buruk. OL2S juga menunjukkan harapan orang lain terhadap seseorang untuk mencapai sesuatu (Lamb, 2012). OL2S ialah kepercayaan pelajar terhadap diri sendiri untuk mengelakkan hasil negatif daripada persekitaran mereka (Martinović, 2018; Glory & Subekti, 2021).

L2LE pula merujuk kepada “motif eksekutif” yang berkaitan dengan persekitaran

pembelajaran dan pengalaman secara langsung, faktor-faktornya adalah seperti guru, rakan sebaya, kurikulum atau pengalaman kejayaan (Dörnyei, 2009; Glory & Subekti, 2021). Motivasi ini berkaitan dengan inti peribadi individu yang membentuk bahagian penting identiti seseorang (Dörnyei, 2009; Wang et al., 2023). Konstruk L2LE sangat berbeza daripada dua panduan diri (IL2S dan OL2S), L2LE mempunyai orientasi masa depan yang ketat, berkenaan dengan aspek situasi pembelajaran, seperti guru, buku teks, metodologi pengajaran, persekitaran bilik darjah dan dinamik kumpulan pelajar (Moskovsky et al., 2016). Pada pandangan Dörnyei (2009), L2LE memainkan peranan penting dalam menentukan pengalaman pembelajaran pelajar. L2LE pada dasarnya berkaitan dengan jenis motivasi yang terletak pada situasi yang berasal dari pengalaman langsung pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua (Moskovsky et al., 2016).

#### *Masalah Pembelajaran Aksara Cina Dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli*

Mengajar pelajar bukan penutur asli untuk mempelajari aksara Cina sangat penting dalam pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing, tetapi ini juga merupakan satu cabaran yang amat besar untuk guru dan pensyarah bahasa Mandarin. Ciri-ciri aksara Cina amat berbeza dari segi bentuk, bunyi dan makna jika berbanding dengan aksara abjad. Pengajaran aksara Cina menjadi salah satu kesukaran untuk pelajar Islam UiTM Dungun mempelajari bahasa Mandarin. Ramai pelajar Islam UiTM Dungun yang bukan penutur asli bahasa Mandarin menghadapi kesukaran untuk mengenali, mempelajari dan menulis aksara Cina, dan ini menyebabkan mereka akan hilang minat untuk belajar bahasa Mandarin (Wong et al., 2021; Wong et al., 2023, Wong et al., 2024).

Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar bukan penutur asli adalah mudah melupai aksara Cina yang sudah dibelajari. Ini disebabkan oleh jumlah aksara Cina perlu dihafal dan dipelajari adalah sangat banyak (Lee & Mohd Yusof, 2021). Namun, cabaran terbesar bagi pelajar bukan penutur asli ialah hubungan yang terhad antara aksara Cina dan sebutannya, menjadi kesukaran bagi mereka untuk mengingati aksara tanpa bantuan sistem abjad (Chua et al., 2015). Selain itu, terdapat banyak aksara yang semirip dari segi bentuk, aksara pelbagai sebutan dan makna, serta homonim juga amat mengelirukan pelajar dalam mengenal pasti dan menghafal aksara Cina (Lee & Mohd Yusof, 2021). Kebanyakan pelajar bahasa Mandarin bukan penutur asli juga menganggap aksara Cina sukar untuk dipelajari (Wong et al., 2021). Pelajar terus menganggap aksara Cina sebagai halangan dalam pembelajaran, minat dan motivasi mereka terhadap bahasa Mandarin akan berkurangan. Akibatnya, pelajar tersebut akan berhenti mempelajari dan meneroka bahasa Mandarin.

Xia (2021) mencadangkan penerapan Teori “Sanshu” dalam pendidikan literasi bahasa Mandarin di sekolah rendah melalui strategi seperti pengajaran visual dan pengajaran berasosiasi. Wang et al. (2021) menekankan pentingnya penggunaan Teori “Sanshu” dalam pengajaran aksara Cina dan menyatakan bahawa guru dan pensyarah perlu memahami hubungan antara bentuk dan makna aksara untuk membantu pelajar asing mempelajari aksara Cina dengan lebih baik. Wong et al. (2021) menyatakan bahawa Teori “Sanshu” lebih sesuai daripada Teori “Liushu” kerana ia dapat meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran aksara Cina melalui analisis struktur dan konteks budaya. Mereka juga mencatatkan cabaran dalam membezakan aksara Cina yang sama bentuk dan isu ejaan aksara Cina. Walau

bagaimanapun, Teori “Sanshu” tetap diakui sebagai teori pengajaran yang berkesan untuk pelajar bukan penutur asli. Oleh itu, guru dan pensyarah perlu menyesuaikan penerapannya mengikut keperluan pelajar.

Selain itu, masih terdapat kekurangan dalam kajian eksperimental yang meneroka kesan “Sanshu” terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, jumlah pelajar bukan penutur asli di Malaysia yang mempelajari bahasa Mandarin semakin meningkat, namun kekurangan dalam pengajaran aksara Cina semakin ketara. Pelajar UiTM menghadapi kesukaran dalam membaca aksara Cina kerana aksara Cina tidak mempunyai sifat ejaan seperti Hanyu Pinyin. Oleh itu, kaedah pengajaran aksara Cina yang berkesan adalah diperlukan dalam pengajaran aksara Cina di Malaysia. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan Teori “Sanshu” terhadap pencapaian aksara Cina dan motivasi belajar Mandarin pelajar di UiTM Dungun. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis hubungan antara motivasi dan pencapaian aksara Cina. Dengan itu, lima persoalan kajian Guo et al. (2022) yang telah diubahasuai adalah seperti berikut:

- (a) Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian dan motivasi aksara Cina antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum rawatan?
- (b) Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian dan motivasi aksara Cina kumpulan kawalan antara ujian pra dan ujian pasca?
- (c) Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian dan motivasi aksara Cina kumpulan rawatan antara ujian pra dan ujian pasca?

(d) Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian dan motivasi aksara Cina antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca?

(e) Adakah terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian aksara Cina dan motivasi dalam kumpulan rawatan selepas rawatan?

## Metodologi

Dalam kajian Kuasi-eksperimen, data daripada kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas rawatan telah digunakan. Kajian ini melibatkan empat kelas TBA1142 (A, B, C dan D). Untuk mengekalkan homogenitas antara kedua-dua kumpulan, campur tangan manusia telah digunakan. Oleh itu, setiap kumpulan terdiri daripada 53 pelajar Islam UiTM Dungun.

Seramai 175 pelajar Islam dari jurusan Perniagaan dan Pengurusan (BA) yang mengambil kursus bahasa Mandarin Tahap 2 (kod kursus: TMC151) sebagai bahasa asing di UiTM Dungun. Kesemua pelajar ini telah dibahagikan kepada 7 kelas dengan kapasiti antara 23 hingga 28 pelajar bagi setiap kelas. Namun hanya 106 pelajar terpilih sebagai peserta kajian secara persampelan bertujuan yang terlibat dalam kajian ini. Pensampelan ini melibatkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidik (Idris, 2013).

Sampel ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, dengan setiap kumpulan terdiri daripada 53 pelajar. Kumpulan kawalan (kelas TBA1142B & C) mengikuti pengajaran tradisional, manakala kumpulan rawatan (kelas TBA1142A & D) menerima rawatan berdasarkan Teori “Sanshu”. Roscoe (1975) mengemukakan bahawa set data memerlukan sekurang-kurangnya 30

responden dalam setiap kumpulan. Oleh itu, 53 responden dalam kumpulan kawalan dan 53 responden dalam kumpulan rawatan kajian ini adalah memenuhi syarat bilangan responden.

Ujian aksara Cina dan Soal Selidik Sistem Diri Motivasi Bahasa Kedua (L2MSSQ) digunakan untuk mengumpul data. Ujian aksara Cina direka dalam kajian ini untuk mengukur kecekapan pelajar Islam UiTM Dungun TBA1142A, B, C dan D dalam mengenali aksara Cina yang telah mereka pelajari. Ujian pra dan ujian pasca masing-masing terdiri daripada 10 aksara Biaoyi, 10 aksara Jiajie dan 10 aksara Xingsheng.

Soalan Kaji Selidik L2MSSQ yang digunakan dalam kajian ini diubah suai daripada kajian Taguchi et al. (2009) untuk menilai motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama ialah demografi, bahagian kedua terdiri daripada 40 soalan untuk menilai IL2S, OL2S dan L2LE.

Koefisien Pearson dalam kajian ini adalah 0.792, yang menunjukkan bahawa kertas ujian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa soal selidik telah mencapai konsistensi dalam kerana koefisien Alfa Cronbach untuk skala motivasi adalah 0.733, nilai ini lebih besar daripada nilai minimum yang dibenarkan iaitu 0.7 (Pallant, 2016).

Dalam kajian ini, tiada rawatan diberikan kepada pelajar dalam kumpulan kawalan. Prosedur pengajaran mengikuti rutin biasa. Sebaliknya, bagi kumpulan rawatan, penyelidik telah membangunkan rancangan pelajaran untuk mengajar aksara Cina dengan

Jadual 1: Ujian pra pencapaian aksara Cina kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Markah	Kawalan	Peratusan	Rawatan	Peratusan	Perbandingan	Peratusan
--------	---------	-----------	---------	-----------	--------------	-----------

menggunakan Teori “Sanshu”. Langkah pengajaran untuk setiap aksara Cina termasuk pengenalan, bacaan, penulisan, evolusi glif (*glyph*) atau analisis struktur aksara Cina dan pembinaan ayat.

### Dapatkan Kajian dan Perbincangan

SPSS versi 22 digunakan untuk memproses dan menganalisis data kuantitatif. Ujian-t (*t-test*) sampel bebas dan ujian-t sampel berpasangan akan digunakan untuk mengkaji sebarang perbezaan dalam pencapaian aksara Cina dan motivasi pelajar Islam UiTM Dungun dalam mempelajari bahasa Mandarin sebelum dan selepas rawatan. Selain itu, koefisien korelasi Pearson dikira untuk menguji hubungan antara pencapaian aksara Cina dan motivasi.

### Dapatkan Ujian Pra Pencapaian Aksara Cina dan Motivasi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Bilangan dan peratusan dikira untuk mengenal pasti pencapaian aksara Cina oleh pelajar Islam UiTM Dungun antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum rawatan. Ujian-t sampel bebas telah dijalankan untuk membanding motivasi mempelajari aksara Cina di kalangan pelajar Islam UiTM antara dua kumpulan sebelum rawatan. Keputusan pencapaian aksara Cina ditunjukkan dalam Jadual 1, manakala keputusan ujian-t ditunjukkan dalam Jadual 2. Bilangan dan peratusan pelajar Islam UiTM dalam pencapaian aksara Cina tidak menunjukkan perbezaan yang besar antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 sebelum rawatan.

1-10	6	11.32%	7	13.21%	1	1.89%
11-20	42	79.25%	43	81.13%	1	1.88%
21-30	5	9.43%	3	5.66%	2	3.77%
Jumlah	53	100%	53	100%	-	-

Jadual 2 menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam motivasi ( $t=-6.19$ ,  $p=0.00$ ) antara dua kumpulan kerana  $p<0.05$ . Oleh itu,

terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi antara dua kumpulan sebelum rawatan.

Jadual 2: Ujian pra motivasi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

	Kawalan		Rawatan		t	p
	M	SD	M	SD		
IL2S	14.38	2.30	16.45	2.27	-4.69	0.000
OL2S	15.55	2.67	16.25	2.89	-1.51	0.136
L2LE	29.25	3.71	31.51	3.47	-4.68	0.000
Motivation	59.17	6.47	64.21	5.20	-6.19	0.000

#### *Dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca Pencapaian Aksara Cina dan Motivasi Kumpulan Kawalan*

Bilangan dan peratusan telah dikira untuk mengenal pasti pencapaian aksara Cina oleh pelajar Islam UiTM Dungun antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan. Ujian-t sampel berpasangan dijalankan untuk

membandingkan motivasi mempelajari aksara Cina antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan. Keputusan pencapaian aksara Cina dan motivasi kumpulan kawalan ditunjukkan dalam Jadual 3 dan 4. Bilangan dan peratusan pelajar Islam UiTM dalam pencapaian aksara Cina tidak menunjukkan perbezaan yang besar antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Ujian pra dan ujian pasca pencapaian aksara Cina kumpulan kawalan

Markah	Pra	Peratusan	Pasca	Peratusan	Perubahan	Peratusan
1-10	6	11.32%	3	5.66%	-3	-5.66%
11-20	42	79.25%	44	83.02%	+2	+3.77%
21-30	5	9.43%	6	11.32%	+1	+1.89%
Jumlah	53	100%	53	100%	-	-

Jadual 4 menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam motivasi ( $t=-84.06$ ,

$p=0.00$ ) antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan kerana  $p<0.05$ .

Jadual 4: Ujian pra dan ujian pasca motivasi kumpulan kawalan

	Pra		Pasca		t	p
	M	SD	M	SD		
IL2S	14.38	2.30	35.55	2.79	-43.21	0.000
OL2S	15.55	2.67	35.47	2.64	-38.99	0.000
L2LE	29.25	3.71	71.94	3.93	-78.13	0.000
Motivation	59.17	6.47	142.96	6.93	-84.06	0.000

#### Dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca Pencapaian Aksara Cina dan Motivasi Kumpulan Rawatan

Bilangan dan peratusan telah dikira untuk mengenal pasti pencapaian aksara Cina oleh pelajar Islam UiTM Dungun antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Ujian-t sampel berpasangan dijalankan untuk membandingkan motivasi mempelajari aksara Cina antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Keputusan pencapaian

aksara Cina dan motivasi kumpulan rawatan ditunjukkan dalam Jadual 5 dan 6.

Bilangan dan peratusan pelajar Islam UiTM dalam pencapaian aksara Cina menunjukkan perbezaan yang agak besar antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Peratusan markah 11-20 telah menurun sebanyak 26.41%, manakala peratusan markah 21-30 telah meningkat sebanyak 39.62%.

Jadual 5: Ujian pra dan ujian pasca pencapaian aksara Cina kumpulan rawatan

Markah	Pra	Peratusan	Pasca	Peratusan	Perubahan	Peratusan
1-10	7	13.21%	0	0%	-7	-13.21%
11-20	43	81.13%	29	54.72%	-14	-26.41%
21-30	3	5.66%	24	45.28%	+21	+39.62%
Jumlah	53	100%	53	100%	-	-

Manakala Jadual 6 menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam motivasi ( $t=-67.49$ ,

$p=0.00$ ) antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan kerana  $p<0.05$ .

Jadual 6: Ujian pra dan ujian pasca motivasi kumpulan rawatan

	Pra		Pasca		t	p
	M	SD	M	SD		
IL2S	16.45	2.27	36.83	3.09	-36.94	0.000
OL2S	16.25	2.89	36.34	2.88	-36.43	0.000
L2LE	31.51	3.47	73.38	4.40	-65.85	0.000
Motivation	64.21	5.20	146.55	8.37	-67.49	0.000

#### *Dapatan Ujian Pasca Pencapaian Aksara Cina dan Motivasi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan*

Bilangan dan peratusan telah dikira untuk mengenal pasti pencapaian aksara Cina oleh pelajar Islam UiTM Dungun antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas rawatan. Ujian-t sampel bebas telah dijalankan untuk membanding motivasi mempelajari aksara Cina di kalangan pelajar Islam UiTM antara dua kumpulan selepas rawatan. Keputusan pencapaian aksara Cina

ditunjukkan dalam Jadual 7, manakala keputusan ujian-t ditunjukkan dalam Jadual 8.

Bilangan dan peratusan pelajar Islam UiTM dalam pencapaian aksara Cina menunjukkan perbezaan yang agak besar antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Perbezaan peratusan markah 11-20 antara dua kumpulan sebanyak 28.30%, manakala perbezaan peratusan markah 21-30 antara dua kumpulan sebanyak 33.96%.

Jadual 7: Ujian pasca pencapaian aksara Cina kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Markah	Kawalan	Peratusan	Rawatan	Peratusan	Perbandingan	Peratusan
1-10	3	5.66%	0	0%	3	5.66%
11-20	44	83.02%	29	54.72%	15	28.30%
21-30	6	11.32%	24	45.28%	18	33.96%
Jumlah	53	100%	53	100%	-	-

Manakala Jadual 8 menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam motivasi ( $t=-4.19$ ,  $p=0.00$ ) antara dua kumpulan kerana  $p<0.05$ .

Jadual 8: Ujian pasca motivasi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

	Kawalan		Rawatan		t	p
	M	SD	M	SD		
IL2S	35.55	2.79	36.83	3.09	-2.90	0.006
OL2S	35.47	2.64	36.34	2.88	-2.35	0.023
L2LE	71.94	3.93	73.38	4.40	-2.48	0.017
Motivation	142.96	6.93	146.55	8.37	-4.19	0.000

#### *Dapatan Korelasi Ujian Pasca Pencapaian Aksara Cina dan Ujian Pasca Motivasi Kumpulan Kawalan*

Jadual 9 menunjukkan korelasi positif yang lemah antara ujian pasca pencapaian aksara

Cina dan ujian pasca motivasi kumpulan rawatan kerana nilai  $r=0.245$ , nilai ini tidak berdekatan dengan 1, walaupun nilai korelasi ini positif, tetapi nilai terlalu kecil menunjukkan korelasi positif ini lemah.

Jadual 9: Ujian Pasca Pencapaian Aksara Cina dan Ujian Pasca Motivasi Kumpulan Rawatan

Pencapaian Aksara Cina	Motivasi	r
Pasca	Pasca	0.245

Kajian ini meneliti kesan pengajaran aksara Cina selama 12 minggu dengan menggunakan Teori “Sanshu” terhadap pencapaian aksara Cina dan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin pelajar Islam

UiTM Dungun. Keputusan yang diperolehi memberikan beberapa penemuan penting mengenai kesan rawatan yang dilaksanakan terhadap kumpulan rawatan, di mana

hasilnya dianalisis melalui bilangan, peratusan dan ujian-t.

Pertama, hasil ujian pra menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam pencapaian aksara Cina antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kedua-dua kumpulan mencatatkan kadar pencapaian yang hampir sama. Walau bagaimanapun, ujian-t sampel bebas yang dijalankan untuk membandingkan motivasi mempunyai perbezaan yang signifikan ( $t=-6.19$ ,  $p=0.00$ ) di mana kumpulan rawatan menunjukkan tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Ini menunjukkan pencapaian aksara Cina adalah setara antara kedua-dua kumpulan pada permulaan kajian. Motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan lebih tinggi, mungkin disebabkan oleh persepsi positif mereka terhadap pembelajaran aksara Cina.

Seterusnya, ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan menunjukkan sedikit perubahan dalam pencapaian aksara Cina, peningkatan peratusan ditunjukkan pada markah yang lebih tinggi. Namun, keputusan ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam motivasi ( $t=-84.06$ ,  $p=0.00$ ). Walaupun pencapaian aksara Cina dalam kumpulan kawalan tidak banyak berubah, tetapi motivasi pembelajaran bahasa Mandarin pelajar Islam UiTM Dungun telah meningkat. Ini menunjukkan pelajar Islam UiTM Dungun berminat untuk belajar aksara Cina, walaupun tiada rawatan diberikan.

Keputusan pasca dalam kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan ketara dalam pencapaian aksara Cina dan motivasi pembelajaran. Peratusan pelajar dengan markah yang lebih tinggi telah meningkat, menunjukkan impak positif dengan pengajaran Teori “Sanshu”. Ini diperkuatkan lagi dengan keputusan ujian-t ( $t=-67.49$ ,

$p=0.00$ ) yang menunjukkan perbezaan signifikan dalam motivasi antara ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan rawatan. Keputusan ini menunjukkan rawatan dengan Teori “Sanshu” dapat meningkatkan motivasi pelajar secara mendalam dan langsung.

Akhirnya, perbandingan antara kumpulan kawalan dan rawatan dalam ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam pencapaian aksara Cina dan motivasi. Kumpulan rawatan mencatatkan peningkatan yang lebih ketara berbanding dengan kumpulan kawalan. Perbezaan peratusan yang besar dalam kategori markah yang lebih tinggi menunjukkan keberkesanan rawatan dalam meningkatkan pencapaian aksara Cina dalam kumpulan rawatan. Hasil ujian-t ( $t=-4.19$ ,  $p=0.00$ ) yang menunjukkan perbezaan signifikan dalam motivasi antara dua kumpulan telah mengesahkan bahawa rawatan yang diberikan berjaya meningkatkan motivasi pelajar. Namun, dapatan kajian ini juga menunjukkan tiada korelasi yang signifikan antara pencapaian aksara Cina dan motivasi dalam kumpulan rawatan selepas rawatan kerana hasil korelasi ( $r=0.245$ ) tidak berdekatan dengan 1.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa rawatan yang diberikan kepada kumpulan rawatan berjaya meningkatkan pencapaian dan motivasi dalam pembelajaran aksara Cina di kalangan pelajar Islam UiTM Dungun. Walaupun pencapaian awal antara kumpulan kawalan dan rawatan adalah hampir sama, rawatan dengan menggunakan Teori “Sanshu” menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kumpulan rawatan. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa rawatan menggunakan Teori “Sanshu” dapat meningkatkan pembelajaran aksara Cina dan motivasi pelajar Islam UiTM Dungun.

Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Xia (2021) dan Wang et al. (2021) yang menyatakan bahawa Teori “Sanshu” memperkaya pemahaman pelajar terhadap makna dan sebutan aksara melalui pendekatan visual serta analisis budaya. Wong et al. (2021) juga menyokong keberkesanan Teori “Sanshu” dalam meningkatkan minat pelajar, seperti yang ditunjukkan melalui perbezaan signifikan dalam tahap motivasi antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penemuan kajian ini turut memperkuuhkan teori bahawa pemahaman terhadap hubungan antara bentuk, bunyi dan makna aksara dapat merangsang motivasi intrinsik pelajar untuk mempelajari bahasa kedua (Ellis, 1994; Dörnyei, 2005).

Walau bagaimanapun, dapatkan ini juga berbeza dalam beberapa aspek dengan kajian Chen (1988), yang mengkritik Teori “Sanshu” dari sudut perbezaan penting antara kategori aksara Cina yang dipilih. Kajian ini tidak secara langsung menyentuh perbezaan tersebut, namun hasil menunjukkan bahawa pengenalan asas aksara melalui Teori “Sanshu” tetap meningkatkan pencapaian pelajar tanpa menyebabkan kekeliruan signifikan dalam memahami struktur aksara. Selain itu, walaupun motivasi meningkat dalam kumpulan kawalan tanpa rawatan, hasil yang lebih ketara dalam kumpulan rawatan menekankan pentingnya rawatan inovatif bagi meningkatkan minat dan penguasaan aksara.

Kajian ini dapat memberi penyelesaian kepada isu-isu yang dikemukakan dalam kajian Wong et al. (2021), Wong et al. (2023) dan Wong et al. (2024) kerana menggunakan Teori “Sanshu” dalam pengajaran aksara Cina dapat menyelesaikan isu-isu kesukaran pembelajaran aksara Cina. Pengajaran

aksara Cina dengan Teori “Sanshu” dibuktikan berkesan dalam kajian ini, juga dapat menyelesaikan masalah kesukaran pelajar Islam UiTM Dungun untuk mengenali, mempelajari dan menulis aksara Cina. Selain itu, pengajaran aksara Cina dengan menggunakan Teori “Sanshu” dapat mengurangkan masalah kesukaran pelajar bukan penutur asli untuk mengenal pasti dan menghafal aksara Cina (Lee & Mohd Yusof, 2021) serta masalah perkurangan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Mandarin (Wong et al., 2021).

## **Kesimpulan**

Kajian ini menyimpulkan bahawa pengajaran aksara Cina menggunakan Teori “Sanshu” mampu meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar Islam dalam mempelajari aksara Cina, khususnya di UiTM Dungun. Bagi pelajar Islam di UiTM Dungun, pengajaran aksara Cina melalui Teori “Sanshu” bukan sahaja memberi impak positif terhadap pencapaian akademik mereka, tetapi juga meningkatkan motivasi secara signifikan dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Teori ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih mudah difahami tetapi juga meningkatkan relevansi budaya, yang dapat merangsang minat dan kesediaan mereka untuk mendalami bahasa Mandarin secara berkesan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan Teori “Sanshu” boleh memberi manfaat jangka panjang kepada pelajar Islam, mengurangkan halangan pembelajaran bahasa asing dan menambah nilai kepada pengalaman pembelajaran bahasa Mandarin mereka di UiTM. Namun, penyelidikan masa hadapan boleh dijalankan dalam tempoh yang lebih panjang serta melibatkan sampel pelajar yang

lebih pelbagai dari segi latar belakang agama dan budaya untuk mengkaji kesan penggunaan Teori “Sanshu” dalam kajian masa depan. Selain itu, penerokaan penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih, platform pembelajaran digital dan program AI yang mengintegrasikan Teori “Sanshu” dalam pengajaran aksara Cina juga boleh dijalankan pada masa depan. Penemuan ini membawa impak yang signifikan dalam pendidikan bahasa, khususnya dalam mempromosikan pendekatan yang berdasarkan budaya dan kontekstual dalam pengajaran aksara Cina. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan minat dan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan pelajar Islam serta pelajar bukan penutur asli yang lain.

## Rujukan

Anuar Yusoff, M. S. dan Wan Mohamed, W. N. (2020). Motivation in reading Arabic literature books among students of Kelantan religious schools. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1): 10-17.

Chen, M. J. (1988). 殷墟卜辞综述. Beijing: Zhonghua Book Company.

Chua, H. W., Tan, T. G., dan Lin, C. Y. (2015). A review of challenges in learning Chinese characters among non-native learners in Malaysia. *Indian Journal of Arts*, 5(16): 93-100.

Chua, N. A., Ahmad Tajuddin, A. J., Goh, Y. S., Abd Rashid, R., Zakaria, R., Yusof, C. M. Z., dan Ahmad, M. (2020). Classroom research on Mandarin foreign language learning via smartphone applications. *Journal of Physics: Conference Series*, 1-7.

Dörnyei, Z. (2005). *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Dörnyei, Z. (2009). The L2 motivational self system. Dalam Dörnyei, Z. dan Ushioda, E. (Eds.), *Motivation, language identity and the L2 self*. UK: Multilingual Matters.

Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. UK: Oxford University Press.

Gao, Y. K. (2016). 汉字部件教学法在对外汉字教学初级阶段的运用——以西北工业大学留学生为例 (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Shaanxi Normal University, Shanxi.

Glory, K. M., dan Subekti, A. S. (2021). Indonesian high school learners' fear of negative evaluation and ought-to L2 self. *Langkawi Journal of The Association for Arabic and English*, 7(2): 157-169.

Guo, Q. L, Chew, F. P., dan Yeoh, Y. Y. (2022). Effects of the instruction with Liushu on Mandarin learners' Chinese character achievement and motivation. *Journal of Language Teaching and Research*, 13(6): 1211-1221.

Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan* (edisi kedua). Malaysia: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.

Lamb, M. (2012). A self system perspective on young adolescents' motivation to learn English in urban and rural settings. *Language Learning*, 62(4): 997-1023.

Lee, C. C., dan Mohd Yusof, N. A. (2021). Development and evaluation of a Chinese character educational board game for non-

native learners. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 9(2): 164-182.

Martinović, A. (2018). The L2 motivational self system: Differences among learners. *Jezikoslovlje*, 19(1): 133-157.

Moskovsky, C., Assulaimani, T., Racheva, S., dan Harkins, J. (2016). The L2 motivational self system and L2 achievement: A study of Saudi EFL learners. *The Modern Language Journal*, 100: 1-14.

Mou, Y. H., dan Xie, X. H. (2016). 新建构主义汉字教学理论探索. *华中学术*, 4: 155-163.

Pallant, J. (2016). *SPSS survival manual 6th edition*. UK: McGraw-Hill House.

Peker, H. (2020). Feared L2 self as an emerging component of the reconceptualised L2 motivational self system. *Eurasian Journal of Applied Linguistics*, 6(3): 361-386.

Qiu, X. G. (2013). 文字学概要. Beijing: The Commercial Press.

Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioral Sciences (second edition)*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Taguchi, T., Magid, M., dan Papi, M. (2009). The L2 motivational self system among Japanese, Chinese and Iranian learners of English: A comparative study. Dalam Dörnyei, Z. & Ushioda, E. (Eds.), *Motivation, language identity and the L2 self*. UK: Multilingual Matters.

Tang, L. (2001). 中国文字学. Shanghai: Shanghai Classics Publishing House.

Wang, H. H., Xu, L., dan Li, J. X. (2023). Connecting foreign language enjoyment and English proficiency levels: the Mediating Role of L2 Motivation. *Frontiers in Psychology*: 1-13.

Wang, X. Q., Tang, C. P. dan Yao, L. L. (2021). 汉字的据义构形与对外汉语汉字教学. *大学语文建设*, 7: 82-84.

Wong, H. C., Yap, S. L., dan Chua, M. Y. 2023. 浅谈部件教学法在对外汉语汉字教学的应用：以玛拉工艺大学汉字教学为例. Dalam 第 34 届中国文字学国际学术研讨会论文集 disunting oleh Li, S. P. dan Yu, M. L., 303-314.

Wong, H. C., Yap, S. L., dan Goh, Y. S. 2021. 浅谈“三书说”在对外汉语汉字教学的应用：以玛拉工艺大学汉字教学为例”. Dalam 第 32 届中国文字学国际学术研讨会论文集 disunting oleh Li, S. P. dan Zheng, B. Y., 303-314.

Wong, H. C., Yap, S. L., dan Zhang, J. X. 2024. 浅谈偏旁部首教学法在对外汉语汉字教学的应用：以玛拉工艺大学登嘉楼分校的汉字教学为例. Dalam 第 35 届中国文字学国际学术研讨会论文集 disunting oleh Chen, H. S. dan Yu, F., 303-314.

Xia, S. (2021). 谈如何利用“三书”做好汉字教学工作. *教育教学研究*: 17-18.

Zhu, H. (2014). 部件趣味性教学在对外汉语汉字教学中的应用(Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Hunan Normal University, Hunan.